

Al-Hikam Al-'Atā'iyah

(146)

الزُّهَادُ إِذَا مَدَحُوا اتَّقَبَضُوا لِشُهُودِهِمُ الشَّنَاءَ مِنَ الْخَلْقِ ، وَالْعَارِفُونَ إِذَا مَدَحُوا انْبَسَطُوا
لِشُهُودِهِمْ ذَلِكَ مِنَ الْمَلِكِ الْحَقِّ .

Ahli-ahli kezuhudan akan merasakan kesempitan rohani (yakni mereka akan merasa kecut hati) apabila mereka dipuji kerana mereka menyaksikan bahawa pujian itu berasal daripada makhluk sahaja, sedangkan ahli-ahli *al-ma'rifah* pula akan merasakan keluasan rohani (yakni mereka akan bersuka hati) kerana mereka menyaksikan bahawa perkara itu (yakni pujian itu) berasal daripada Si Raja Yang Maha Benar (yakni Allāh).